



# **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN HOMESTAY MALAYSIA**



## **PROGRAM HOMESTAY MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN  
MALAYSIA**

# PANDUAN PENDAFTARAN HOMESTAY MALAYSIA

<b>A</b>	<b>PENGENALAN</b>
----------	-------------------


1. Program Homestay Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Program ini merupakan sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan.
2. Homestay adalah merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan *lifestyle* atau yang berunsurkan pengalaman.
3. Objektif utama pelaksanaan Program Homestay Malaysia adalah untuk memenuhi kehendak dua kumpulan sasar iaitu:
  - (i) masyarakat kampung:
    - berkongsi manfaat daripada sektor pelancongan kepada semua lapisan masyarakat dengan menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar di dalam industri pelancongan;
    - meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat kampung, di mana kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat; dan
    - melahirkan usahawan pelancongan di kalangan masyarakat desa.
  - (ii) para pelancong:
    - menyediakan pengalaman unik kepada para pelancong yang berminat untuk mengalami kehidupan serta kebudayaan masyarakat kampung; dan
    - mewujudkan produk pelancongan hospitaliti desa dengan harga yang kompetitif dan bertaraf antarabangsa.

*Program ini adalah berbeza dengan konsep kemudahan penginapan sederhana lain seperti 'bed & breakfast' di mana tidak ada keluarga yang tinggal bersama dan sistem pengurusannya adalah sepertimana pengurusan hotel biasa.*

**B****GARIS PANDUAN PENDAFTARAN**

1. Penyertaan di dalam program ini dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang berkeluarga dan tinggal di luar bandar serta menetap di suatu kediaman rumah yang tetap.
2. Takrif rumah kediaman di dalam konteks ini ialah rumah atau tempat tinggal yang sesuai seperti yang dinyatakan di dalam syarat-syarat di dalam perenggan D.
3. Prinsip utama dalam mewujudkan sesebuah homestay adalah kesediaan secara sukarela serta minat masyarakat sesebuah kampung untuk menyertai program homestay Malaysia.
4. Di antara garis panduan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:
  - (i) harus mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah bagi setiap homestay;
  - (ii) mempunyai kemudahsampaian dari segi perhubungan dan pengangkutan atau *accessibility*;
  - (iii) mempunyai sikap *act and think tourism*;
  - (iv) menjamin tahap kebersihan dan keselamatan yang optimum;
  - (v) melibatkan aktiviti-aktiviti masyarakat desa seperti menoreh getah, sawah padi, memancing serta memetik koko dan kelapa; dan
  - (vi) permainan sukan tradisional dan kebudayaan seperti congkak, sepak raga, caklempong dan tarian rakyat.
5. Sebelum berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, setiap pengusaha homestay perlu :
  - i. Lulus pemeriksaan rumah yang diselia oleh Kementerian Pelancongan melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPLN) dengan kerjasama:
    1. Jabatan Kesihatan
    2. Tourism Malaysia
    3. JKKK
    4. Persatuan Homestay Negeri
  - ii. Menghadiri Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemahiran Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
6. Pihak KPL akan membuat pemeriksaan rumah setiap 3 tahun sekali manakala pihak PKPLN akan membuat pemeriksaan setiap suku tahun terhadap homestay di negeri masing-masing.

7. Berikut merupakan carta alir bagi proses pendaftaran homestay:



8. Bagi memastikan kejayaan program ini, semua peserta yang terlibat adalah dikehendaki:

- a. Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL); **dan**
- b. Berurusan dengan agensi pelancongan yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan harga, makanan, pengangkutan dan hal-hal yang melibatkan pakej lawatan.

9. Agensi pelancongan yang turut serta hendaklah memberi khidmat yang sesuai termasuk membuat tempahan, menyediakan pengangkutan, membuat promosi di dalam dan luar negeri dan lain-lain perkhidmatan yang perlu.

10. Kementerian Pelancongan akan membantu dalam pengedaran “brochures” yang mengandungi maklumat peserta kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

**C****CARA MEMOHON**

1. Semua permohonan untuk berdaftar hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan Program *Homestay* – BORANG KPL/HP 1.
2. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah dihantarkan ke alamat:

Program Homestay  
Bahagian Perkhidmatan Pelancongan  
Kementerian Pelancongan Malaysia  
Tingkat 22, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra  
45, Jalan Tun Ismail  
50694 KUALA LUMPUR  
Tel : 03-2696 3171/03-2696 3262  
Fax : 03-2693 3142

atau melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri (PKPLN) yang berkenaan:

**Pengarah****Pejabat Kementerian Pelancongan  
Malaysia Negeri Perlis**

No.51 & 53, Persiaran Putra Timur

**02000 KUALA PERLIS**

PERLIS INDERA KAYANGAN

Tel : 04-985 3701

Faks : 04-985 2373

**Pengarah****Pejabat Kementerian Pelancongan  
Malaysia Negeri Pulau Pinang**

Aras 56, Menara KOMTAR

**10000 PULAU PINANG**

PULAU PINANG

Tel : 04-262 0202

Faks : 04-263 1020

**Pengarah****Pejabat Kementerian Pelancongan  
Malaysia Negeri Kedah**

Kompleks Pelancongan Negeri Kedah

Seksyen 20, Jalan Raja

**05000 ALOR SETAR**

KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-735 1030 / 732 8296 / 730

8794

Faks : 04-732 7914 / 04-732 7614

**Pengarah****Pejabat Kementerian Pelancongan  
Malaysia Negeri Perak**

No.7 & 9, Jalan Medan Istana 3

Bandar Ipoh Raya

**30000 IPOH**

PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-255 0413 / 05-255 0414

Faks : 05-253 6027

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Selangor**  
Aras 15-03, Wisma Sunwaymas  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C  
Seksyen 9  
**40000 SHAH ALAM**  
SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel : 03-5511 1122 / 5510 8816  
Faks : 03-5513 1199 / 5513 1399

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Melaka**  
Aras 1, Pusat Konvensyen  
Kompleks Melaka International Trade  
Centre (MITC)  
**75450 AYER KEROH**  
MELAKA  
Tel : 06-231 8200  
Faks : 06-231 1400

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Sembilan**  
No.19, Jalan Durian Emas 3  
Betaria Business Complex  
Jalan Dato' Siamang Gagap  
**70400 SEREMBAN**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
Tel : 06-765 9870 / 9871 / 9869 /  
9818  
Faks : 06-762 8540

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Johor**  
Aras 5-02, Pusat Penerangan Pelancongan  
Negeri Johor (JOTIC)  
No.2, Jln Air Molek  
**80000 JOHOR BAHRU**  
JOHOR DARUL TAKZIM  
Telefon : 07-224 1432 / 224 9960 / 2233  
171  
Faks : 07- 223 7554 / 07-2263 171

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Kelantan**  
Kampung Kraf tangan, Jalan Hilir Balai  
**15300 KOTA BHARU**  
KELANTAN DARUL NAIM  
Tel : 09-741 2400  
Faks : 09-744 6672

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Terengganu**  
No.6B, C & D, Wisma MBKT  
Jalan Hiliran  
**20300 KUALA TERENGGANU**  
TERENGGANU DARUL IMAN  
Tel : 09-626 2946 / 4946 /631 8840  
/8839  
Faks : 09-626 1946

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Pahang**  
B 8006, Tingkat 1-3  
Seri Kuantan Square  
Jalan Teluk Sisek  
**25000 KUANTAN**  
PAHANG DARUL MAKMUR  
Tel : 09-517 1111/09-517 1112  
Faks : 09-514 6900

**Pengarah**  
**Pejabat Kementerian Pelancongan**  
**Malaysia Negeri Sarawak**  
Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
**93300 KUCHING**  
SARAWAK  
Tel : 082-235 033  
Faks : 082-234 010

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan  
Malaysia Negeri Sabah**

*Lot D 6.5, Aras 6, Blok D*

*P.O.Box No.6, Bangunan KWSP*

*49, Jalan Karamuning*

**88100 KOTA KINABALU**

**SABAH**

Tel : 088-212 121 / 088-269 711/712

Faks : 088-212 075 / 088-269 713

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan  
Malaysia WP Labuan**

*Kompleks Sukan Laut Antarabangsa*

*Labuan*

*Peti Surat 80753*

**87008 WILAYAH PERSEKUTUAN**

**LABUAN**

Tel : 087-422 600

Faks : 087-419 622

**D****SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

1. Lokasi rumah kediaman :
  - (a) Lokasinya hendaklah di dalam kawasan yang sesuai dari segi perhubungan pengangkutan.
  - (b) Bebas daripada sebarang pencemaran alam.
  - (c) Mempunyai persekitaran yang sesuai dan sebaik-baiknya dapat memaparkan cara hidup masyarakat Malaysia.
  
2. Kemudahan asas:
  - (a) Rumah kediaman tersebut hendaklah mempunyai keluasan yang sesuai dan pelancong yang menginap hendaklah ditempatkan di bilik yang berasingan.
  - (b) Bagi menjamin keselesaan keluarga dan pelancong, bilangan maksimum bilik yang dibenarkan untuk disewakan kepada pelancong adalah terhad kepada 3 buah bilik dengan ruang keluasan yang sesuai.
  - (c) Keselesaan pelancong perlu diberi perhatian termasuklah menyediakan bilik mandi, tandas, ruang makan dan ruang tamu dan kemudahan asas lain yang sesuai.
  - (d) Penyediaan dan pembekalan makan/minum, tuala, ubat nyamuk, kelambu dan kain sarong/batik adalah atas permintaan oleh pelancong dan ianya akan dikenakan bayaran.
  - (e) Penyelenggaraan rapi ke atas semua kemudahan asas hendaklah dibuat bagi memastikan kebersihan persekitaran dan keselesaan pelancong.
  
3. Kebersihan :
  - (a) Kawasan persekitaran rumah perlulah bersih dan bebas dari sampah sarap yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lalat.
  - (b) Sistem pembuangan air dan perparitan yang baik hendaklah diadakan bagi mengelakkan bau busuk.

**E****KESELESAAN**

1. Untuk melindungi keselamatan pihak-pihak yang terlibat, terutamanya pelancong, perlindungan insuran adalah perlu. Bagi memastikan semua pihak yang terlibat akan mendapat perlindungan, jika berlaku sebarang bentuk kemalangan, perkara-perkara berikut adalah diperlukan iaitu:
  - (a) Bagi pelancong berkumpulan dan diuruskan oleh syarikat pelancongan, perlindungan insurans hendaklah diuruskan oleh syarikat pelancongan tersebut.
  - (b) Bagi pelancong perseorangan (FIT) tuan punya rumah dinasihatkan mengambil insuras daripada mana-mana syarikat insurans yang berdaftar.

## **PANDUAN PENYEDIAAN MAKANAN**

<b>A</b>	<b>PENYIMPANAN, PENYEDIAAN MAKANAN DAN PENGELOLAAN PREMIS MAKANAN</b>
----------	---

1. Semua tempat penyimpanan dan penyediaan makanan dan premis makanan hendaklah dijaga supaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan kemas.
2. Tempat-tempat berkenaan mestilah bersih dari segala bekas yang telah digunakan (kotak-kotak, tin, botol dan sebagainya) yang boleh menjadi tempat menginap dan pembiakan tikus dan serangga.
3. Bahan buangan dari premis-premis makanan perlulah dikumpulkan di dalam bekas yang sempurna dan dibuang sekerap yang mungkin.
4. Premis-premis makanan, alat kelengkapan dan bekas untuk mengumpul bahan buangan mestilah dibersihkan sekerap yang mungkin.
5. Persekitaran premis mestilah dijaga supaya berada di dalam keadaan baik dan dibersihkan selalu.

<b>B</b>	<b>PERKAKAS DAN PERALATAN</b>
----------	-------------------------------

1. Semua perkakas dan peralatan yang digunakan dalam penyediaan dan pengendalian makanan hendaklah dari jenis yang sesuai yang tidak menyebabkan makanan beracun.
2. Perkakas dan peralatan hendaklah dicuci selepas digunakan dan disimpan dalam keadaan yang bersih. Semua perkakas hendaklah disimpan dalam keadaan yang sempurna dan mana-mana yang mengalami kerosakan hendaklah diganti.

<b>C</b>	<b>TINDAKLAKU PERSONAL YANG MENYEDIAKAN MAKANAN</b>
----------	---

1. Semua mereka yang terlibat di dalam pengedaran dan pengendalian makanan tidak boleh :
  - (a) Memegang atau mengendali makanan dengan tangan kotor.
  - (b) Mengesat tangan dengan bajunya atau lain-lain kain/bahan selain dari tuala yang bersih.
  - (c) Membenarkan bahagian bawah pinggan mencemari makanan di pinggan yang di bawahnya semasa meletak atau membawa makanan-makanan tersebut.
  - (d) Membenarkan sudu, garpu, atau apa-apa peralatan yang digunakan untuk makan dan minum dicemari oleh kotoran dari individu yang mengendali makanan atau dari mana-mana punca lain.
  - (e) Mengesat alat kelengkapan dengan menggunakan kain atau bahan yang tidak bersih atau yang telah dicemari.

<b>D</b>	<b>PENGENDALIAN MAKANAN</b>
----------	-----------------------------

1. Semua bahan makanan mentah mestilah dibersihkan secukupnya dan diletakkan di dalam bekas yang sesuai sebelum disimpan.
2. Makanan hendaklah disimpan pada tempat yang selamat dan jauh dari bahan beracun atau bahan toksin seperti *pesticides* dan sebagainya.
3. Semasa menghidang makanan yang sedia dimakan makanan mestilah dijaga dengan menutup makanan tersebut.

~~~~~\*\*\*\*\*~~~~~